



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 7

27hb Mac 2008

*TAMBAHAN No. 2
ENAKMEN*

Enakmen-enakmen ini yang diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman pada 18 November 2007 diisytiharkan untuk pengetahuan am:

The following Enactments passed in the Kedah Darul Aman State Legislative Assembly, on the 18 November 2007 are published for general information:

Enakmen No.	Nama	Muka Surat
6.	Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008	273
	Mufti and Fatwa (Kedah Darul Aman) Enactment 2008	289
7.	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008	305
	Islamic Family Law (Kedah Darul Aman) Enactment 2008	393
8.	Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008	473
	Syariah Courts (Kedah Darul Aman) Enactment 2008	497

**ENAKMEN MAHKAMAH SYARIAH
(KEDAH DARUL AMAN) 2008**

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

MAHKAMAH SYARIAH

3. Penubuhan Mahkamah Syariah

BAHAGIAN III

MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH

4. Pelantikan Ketua Hakim Syarie
5. Pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
6. Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah
7. Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Rayuan Syariah
8. Keanggotaan Mahkamah Rayuan Syariah
9. Keputusan ikut majoriti
10. Penerusan prosiding di Mahkamah Rayuan Syariah walaupun Hakim tiada
11. Kaedah-kaedah rayuan

BAHAGIAN IV

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

12. Pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
13. Bidang Kuasa Mahkamah Tinggi Syariah
14. Rayuan Kepada Mahkamah Tinggi Syariah
15. Permohonan untuk mendapatkan kebenaran merayu

Seksyen

16. Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Tinggi Syariah

BAHAGIAN V

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH

17. Pelantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah

18. Bidang Kuasa Mahkamah Rendah Syariah

BAHAGIAN VI

PENDAFTAR MAHKAMAH SYARIAH

19. Pelantikan Pendaftar

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

20. Perakuan pewarisan
21. Tempat dan cara perbicaraan
22. Perlindungan Hakim, Pegawai Mahkamah, dll.
23. Hukum Syarak
24. Bidang kuasa tidak meliputi orang bukan Islam
25. Kuasa tambahan
26. Bahasa
27. Tindakan bersaling
28. Kod etika
29. Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah.
30. Kecualian dan peralihan
31. Pemansuhan

JADUAL

KEDAH DARUL AMAN

ENAKMEN No. 8 tahun 2008

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

**TUANKU ABDUL
HALIM AL-HAJ**
Sultan Negeri Kedah Darul Aman

13 Safar 1429
20 Februari 2008

Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan berkaitan dengan penubuhan dan organisasi Mahkamah Syariah di Negeri Kedah Darul Aman dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Hakim Mahkamah Rayuan Syariah” ertinya seseorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang dilantik di bawah subseksyen 5(1);

“Hakim Syarie” atau “Hakim” ertinya seseorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilantik di bawah subseksyen 12(1) atau 17(1);

“Hukum Syarak” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Syafie, atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali;

“Ketua Hakim Syarie” ertinya Ketua Hakim Syarie yang dilantik di bawah subseksyen 4(1);

“Ketua Pendakwa Syarie” ertinya pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 44(1) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008;

“Mahkamah Syariah” atau “Mahkamah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah subseksyen 3(1) atau 3(2);

“Mahkamah Rayuan Syariah” ertinya Mahkamah Rayuan Syariah yang ditubuhkan di bawah subseksyen 3(3);

“Mahkamah Sivil” ertinya mana-mana Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008;

“Negeri” ertinya Negeri Kedah Darul Aman;

“Peguam Syarie” ertinya seseorang yang diterima sebagai Peguam Syarie di bawah seksyen 46 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008;

“saraan” ertinya gaji pokok, elaun, imbuhan, honorarium, pengangkutan percuma atau bersubsidi dan keistimewaan lain yang dapat dinilai dengan wang.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Enakmen ini dan tidak ditakrifkan di dalam Enakmen ini tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya masing-masing setakat yang erti itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

BAHAGIAN II

MAHKAMAH SYARIAH

Penubuhan Mahkamah Syariah

3. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas nasihat Majlis, melalui pemberitahuan dalam *Warta* menubuhkan Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah bagi Negeri Kedah Darul Aman di tempat-tempat yang difikirkan patut.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas nasihat Majlis, melalui pemberitahuan dalam *Warta* menubuhkan suatu Mahkamah Tinggi Syariah bagi Negeri Kedah Darul Aman.

(3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas nasihat Majlis, melalui pemberitahuan dalam *Warta* menubuhkan suatu Mahkamah Rayuan Syariah bagi Negeri Kedah Darul Aman.

BAHAGIAN III

MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH

Pelantikan Ketua Hakim Syarie

4. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas nasihat Majlis, melantik seorang Ketua Hakim Syarie.

(2) Seseorang itu layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika—

(a) dia seorang warganegara Malaysia; dan

(b) dia—

(i) selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Kadi atau Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah atau Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah atau Pendakwa Syarie di Negeri Kedah Darul Aman atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana yang lain pula; atau

(ii) seorang yang arif tentang Hukum Syarak.

(3) Orang yang, sebelum sahaja mula berkuat kuasa seksyen ini, memegang jawatan Ketua Hakim Syarie dan melaksanakan fungsi-fungsi kehakiman hendaklah, apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa, terus memegang jawatan sebagai Ketua Hakim Syarie seolah-olah dia telah dilantik di bawah subseksyen (1).

(4) Pelantikan di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

5. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis dan Ketua Hakim Syarie, boleh melantik tidak kurang daripada tiga dan tidak lebih daripada tujuh orang Islam untuk membentuk satu panel tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.

(2) Tiap-tiap pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang dilantik bukan daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri hendaklah dibayar apa-apa saraan sebagaimana yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan di atas nasihat Majlis.

(4) Seseorang yang dilantik di bawah subseksyen (3) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan boleh dilantik semula.

(5) Orang yang, sebelum sahaja seksyen ini berkuat kuasa, memegang jawatan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan melaksanakan fungsi-fungsi kehakiman hendaklah, apabila seksyen ini berkuat kuasa, terus memegang jawatan sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah seolah-olah mereka telah dilantik di bawah subseksyen (1).

Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah

6. (1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan bidang kuasa asalnya.

(2) Apabila suatu rayuan daripada suatu keputusan Mahkamah Rendah Syariah telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh atas permohonan mana-mana pihak memberikan kebenaran untuk diputuskan olehnya sendiri apa-apa persoalan undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul dalam perjalanan rayuan itu dan yang keputusannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah telah menyentuh keputusan rayuan itu.

(3) Apabila kebenaran telah diberikan oleh Mahkamah Rayuan Syariah, ia hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan yang dibenarkan dirujuk bagi keputusannya dan membuat apa-apa perintah yang boleh dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah, dan sebagaimana yang difikirkannya adil bagi penyelesaian rayuan itu.

Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Rayuan Syariah

7. (1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas Mahkamah Tinggi Syariah dan boleh, jika didapati perlu olehnya demi kepentingan keadilan, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas kehendak mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam apa-apa perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam Mahkamah Tinggi Syariah, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod tentang perkara atau prosiding itu dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan.

(2) Apabila Mahkamah Rayuan Syariah memanggil rekod tentang sesuatu perkara atau prosiding di bawah subseksyen (1), semua prosiding dalam Mahkamah Tinggi Syariah tentang perkara atau prosiding itu hendaklah digantung sementara menanti perintah selanjutnya daripada Mahkamah Rayuan Syariah.

Keanggotaan Mahkamah Rayuan Syariah

8. (1) Sesuatu rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah didengar dan diselesaikan oleh seorang pengerusi dan dua orang Hakim Mahkamah Rayuan yang ditentukan oleh Ketua Hakim Syarie daripada kalangan anggota panel tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang dilantik di bawah subseksyen 5(1).

(2) Walau apapun seksyen 5, Ketua Hakim Syarie boleh melantik mana-mana Hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjadi anggota Mahkamah Rayuan Syariah bagi mana-mana prosiding tertentu jika Ketua Hakim Syarie berpendapat wajar berbuat demikian.

(3) Ketua Hakim Syarie hendaklah menjadi pengerusi tiap-tiap prosiding Mahkamah Rayuan Syariah, melainkan—

(a) jika rayuan dalam Mahkamah Rayuan Syariah itu ialah terhadap keputusan Ketua Hakim Syarie yang telah bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah; atau

(b) jika Ketua Hakim Syarie tidak dapat menjadi pengerusi kerana apa-apa sebab lain,

Ketua Hakim Syarie hendaklah melantik Hakim yang paling kanan antara Hakim Mahkamah Rayuan Syariah untuk menjadi pengerusi.

Keputusan ikut majoriti

9. Rayuan hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti anggota Mahkamah Rayuan Syariah.

Penerusan prosiding di Mahkamah Rayuan Syariah walaupun Hakim tiada

10. (1) Jika, dalam perjalanan apa-apa prosiding dalam sesuatu rayuan atau pada bila-bila masa sebelum diumumkan penghakiman, mana-

mana Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang mendengar prosiding itu tidak dapat, kerana sakit atau apa-apa sebab lain untuk hadir dan menyelesaikan prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsinya sebagai Hakim Mahkamah itu maka, jika kedua-dua pihak bersetuju, pendengaran itu hendaklah diteruskan dan penghakiman atau penghakiman yang ditangguhkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah diberikan oleh dua orang Hakim Mahkamah yang ada itu, dan bagi maksud rayuan itu, Mahkamah hendaklah disifatkan telah dianggotai dengan sempurna.

(2) Dalam mana-mana kes seperti yang tersebut dalam subseksyen (1), jika tiada keputusan sebulat suara oleh kedua-dua Hakim yang ada, rayuan itu hendaklah didengar semula.

(3) Jika di bawah subseksyen (1) kedua-dua pihak tidak memberikan persetujuan mereka, atau lebih daripada seorang Hakim tidak dapat, kerana sakit atau apa-apa sebab lain, untuk hadir dan menyelesaikan prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsi mereka sebagai Hakim Mahkamah itu, rayuan itu hendaklah didengar semula.

Kaedah-kaedah rayuan

11. Ketua Hakim Syarie boleh membuat kaedah tentang prosedur bagi rayuan dan permohonan bagi kebenaran merayu.

BAHAGIAN IV

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

Pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

12. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas nasihat Majlis, melantik Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Sebelum mengemukakan nasihatnya mengenai pelantikan seseorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Majlis hendaklah merujuk kepada Ketua Hakim Syarie.

(3) Seseorang itu adalah layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika—

- (a) dia seorang warganegara Malaysia; dan
 - (b) dia—
 - (i) selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau Kadi atau Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah atau Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah atau Pendakwa Syarie di Negeri Kedah Darul Aman atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana yang lain pula; atau
 - (ii) seorang yang arif tentang Hukum Syarak.
- (4) Orang yang, sebelum sahaja seksyen ini berkuat kuasa, memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan melaksanakan fungsi-fungsi kehakiman hendaklah, apabila seksyen ini berkuat kuasa, terus memegang jawatan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah seolah-olah mereka telah dilantik di bawah subseksyen (1).
- (5) Semua pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah

13. (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Walau apapun subseksyen (1), Ketua Hakim Syarie boleh bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan mengetuai Mahkamah itu.

(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—

- (a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam dan boleh dihukum di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa berkaitan dengan pentadbiran undang-undang

Islam, undang-undang keluarga Islam, tatacara jenayah syariah, kesalahan jenayah syariah, atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukan bagi kesalahan itu; dan

- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubung dengan—
- (i) pertunangan, perkahwinan, *ruju'*, perceraian, pembubaran perkahwinan (*fasakh*), *nusyuz*, atau pemisahan kehakiman (*mufaraqah*) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan di antara suami isteri;
 - (ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i);
 - (iii) nafkah orang-orang tanggungan, kesahatarafan, atau penjagaan atau jagaan (*hadhamah*) anak-anak;
 - (iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;
 - (v) wasiat atau alang semasa *marad-al-maut* seseorang si mati Islam;
 - (vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seseorang Islam;
 - (vii) wakaf atau *nazr*;
 - (viii) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tidak berwasiat;
 - (ix) penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masing berhak;

- (x) pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;
- (xi) pengisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya; atau
- (xii) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Rayuan kepada Mahkamah Tinggi Syariah

14. (1) Rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah daripada apa-apa keputusan sesuatu Mahkamah Rendah Syariah—

- (a) dalam bidang kuasa jenayahnya, oleh Ketua Pendakwa Syarie atau oleh orang yang telah disabitkan, dan rayuan itu boleh dibuat sama ada terhadap pembebasan, sabitan atau hukuman atau mana-mana daripadanya;
- (b) dalam bidang kuasa malnya—
 - (i) oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu, jika amaun yang dituntut itu tidak kurang daripada satu ribu ringgit;
 - (ii) dalam semua kes yang melibatkan apa-apa keputusan mengenai taraf diri, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu; dan
 - (iii) dalam semua kes yang berhubungan dengan nafkah orang-orang tanggungan, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu,tetapi tiada rayuan boleh dibuat terhadap keputusan yang telah dibuat dengan persetujuan; dan
- (c) dalam apa-apa kes lain, jika Mahkamah Tinggi Syariah memberikan kebenaran untuk merayu.

(2) Dalam mana-mana rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah boleh—

- (a) dalam perkara jenayah, menolak rayuan, mensabitkan dan menghukum pihak yang merayu, memerintahkan Mahkamah perbicaraan memanggil pembelaan atau membuat siasatan lanjut, menambah atau meminda bentuk hukuman, memerintahkan perbicaraan semula, atau meminda, atau mengakaskan apa-apa perintah Mahkamah perbicaraan;
- (b) dalam perkara mal, mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Mahkamah perbicaraan, menjalankan mana-mana kuasa yang boleh dijalankan oleh Mahkamah perbicaraan, membuat apa-apa perintah yang sepatutnya dibuat oleh Mahkamah perbicaraan, atau memerintahkan perbicaraan semula.

Permohonan untuk mendapatkan kebenaran merayu

15. (1) Suatu rayuan atau permohonan bagi kebenaran untuk merayu di bawah perenggan 14(1)(c) hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah mengikut apa-apa cara yang ditetapkan, tetapi dalam apa-apa keadaan hendaklah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat atau, dalam keadaan apabila pemohon tidak mengetahuinya pada tarikh itu dan tidak dengan menjalankan usaha yang munasabah boleh mengetahuinya, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah, atau keputusan itu sampai kepada pengetahuannya.

(2) Mahkamah Tinggi Syariah boleh, atas alasan khas, melanjutkan masa untuk merayu walaupun masanya telah habis tempoh sekiranya permohonan untuk melanjutkan masa untuk merayu dibuat oleh mana-mana orang yang disebutkan dalam subseksyen 14(1).

Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Tinggi Syariah

16. (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas semua Mahkamah Rendah Syariah dan boleh, jika nampaknya perlu demi kepentingan keadilan, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas kehendak mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam apa-apa

perkara atau prosiding sama ada mal atau jenayah, dalam mana-mana Mahkamah Rendah Syariah, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod tentang perkara atau prosiding itu dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan.

(2) Apabila Mahkamah Tinggi Syariah memanggil rekod sesuatu perkara atau prosiding di bawah subseksyen (1), semua prosiding dalam Mahkamah Rendah Syariah tentang perkara atau prosiding itu hendaklah digantung sementara menanti perintah selanjutnya daripada Mahkamah Tinggi Syariah.

BAHAGIAN V

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH

Pelantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah

17. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas syor Ketua Hakim Syarie, melantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Semua pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Orang yang, sebelum sahaja seksyen ini berkuat kuasa, memegang jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah dan melaksanakan fungsi-fungsi kehakiman hendaklah, apabila seksyen ini berkuat kuasa, terus memegang jawatan sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah seolah-olah mereka telah dilantik di bawah subseksyen (1).

Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah

18. (1) Sesuatu Mahkamah Rendah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah—

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa

berkaitan pentadbiran undang-undang Islam, undang-undang keluarga Islam, tatacara jenayah syariah, kesalahan jenayah syariah, atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis itu tidak melebihi tiga ribu ringgit, atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukan bagi kesalahan itu; dan

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan *hadhanah* atau harta sepencarian).

(3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta* memperluaskan bidang kuasa mal Mahkamah Rendah Syariah.

BAHAGIAN VI

PENDAFTAR MAHKAMAH SYARIAH

Pelantikan Pendaftar

19. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas nasihat Ketua Hakim Syarie, melantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri, seorang Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Semua pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Pendaftar-Pendaftar yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah, selain daripada dinyatakan selainnya dalam mana-mana undang-undang bertulis dan arahan oleh Ketua Hakim Syarie, mempunyai semua kuasa dan tugas yang perlu bagi menjalankan pentadbiran Mahkamah.

(4) Orang yang, sebelum sahaja seksyen ini berkuat kuasa, memegang jawatan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah hendaklah, apabila seksyen ini berkuat kuasa, terus memegang jawatan masing-masing seolah-olah mereka telah dilantik di bawah subseksyen (1).

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Perakuan pewarisan

20. (1) Jika dalam perjalanan mana-mana prosiding yang berhubung dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka seseorang si mati beragama Islam, mana-mana Mahkamah Sivil atau pihak berkuasa, selain daripada Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, adalah mempunyai kewajipan untuk menentukan—

- (a) orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu; atau
- (b) bahagian-bahagian dalam harta pusaka itu, atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masing berhak.

(2) Mahkamah Syariah boleh, atas permohonan mana-mana orang yang menuntut bahawa dia menjadi benefisiari atau wakilnya, dan setelah dibayar olehnya fi yang ditetapkan, memperakukan fakta-fakta yang didapati oleh Mahkamah Syariah itu dan pendapat Mahkamah Syariah itu tentang orang-orang yang berhak atau bahagian-bahagian itu.

Tempat dan cara perbicaraan

21. (1) Tempat di mana sesuatu Mahkamah menjalankan perbicaraan kes sama ada kes mal atau jenayah hendaklah disifat sebagai suatu Mahkamah yang terbuka dan boleh dihadiri oleh orang ramai:

Dengan syarat bahawa Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan perbicaraan secara tertutup, jika sekiranya Mahkamah

berpuas hati bahawa tindakan demikian adalah untuk kepentingan keadilan, ketenteraman awam, keselamatan atau kepentingan awam, atau kesopanan.

(2) Mahkamah boleh pada bila-bila masa memerintah mana-mana orang atau saksi supaya jangan menyiarkan nama, alamat atau gambar mana-mana orang atau saksi yang terlibat di dalam mana-mana perbicaraan atau mana-mana keterangan atau mana-mana perkara yang mungkin boleh membawa kepada pengenalan mana-mana orang atau saksi tersebut.

(3) Mana-mana orang yang melanggar perintah di bawah subseksyen (2) adalah melakukan kesalahan dan hendaklah, jika disabitkan dihukum denda tidak lebih daripada seribu ringgit atau hukuman penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

Perlindungan Hakim, Pegawai Mahkamah dll.

22. (1) Tiada seorang pun Hakim Mahkamah Rayuan Syariah atau Hakim Syarie boleh dikenakan apa-apa tindakan di dalam mana-mana Mahkamah atau Mahkamah Sivil bagi apa-apa perbuatan, ketinggalan perbuatan, atau perintahnya dalam menjalankan tugas kehakimannya, sama ada dalam had bidang kuasanya atau tidak, dan tiada apa-apa perintah bagi kos boleh dibuat terhadapnya :

Dengan syarat bahawa pada masa berlakunya perbuatan, ketinggalan perbuatan itu, atau semasa membuat perintah itu, pegawai itu dengan suci hati percaya bahawa dia mempunyai bidang kuasa untuk melakukan perbuatan, ketinggalan atau mengeluarkan perintah yang berkenaan.

(2) Orang yang menguatkuasakan waran atau perintah yang dikeluarkan dengan sahnya oleh Mahkamah tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan di dalam mana-mana Mahkamah atau Mahkamah Sivil jika sekiranya waran atau perintah itu telah dikeluarkan oleh Mahkamah tersebut semasa ianya mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkannya.

(3) Bailif atau mana-mana pegawai Mahkamah yang telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan mana-mana hukuman, perintah atau waran tahan harta sebelum hukuman tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan di dalam mana-mana Mahkamah atau Mahkamah Sivil

kerana sebarang tindakannya yang berkenaan dengan harta yang dirampas, kecuali jika sekiranya dia dengan sengaja telah bertindak melebihi had kuasa yang telah diberikan kepadanya oleh hukuman, perintah atau waran yang berkenaan:

Dengan syarat dia hendaklah tidak boleh dianggap sebagai telah bertindak melebihi had kuasanya hanya kerana dia telah mengetahui adanya suatu pertikaian tentang hakmilik harta yang dirampas itu.

Hukum Syarak

23. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan dalam Enakmen ini yang berlawanan dengan Hukum Syarak adalah tidak sah setakat mana ianya berlawanan.

(2) Jika terdapat apa-apa perkara yang tidak diperuntukan atau mana-mana peruntukan dalam Enakmen ini tidak menyatakan dengan jelas, Mahkamah hendaklah menggunakan Hukum Syarak.

Bidang kuasa tidak meliputi orang bukan Islam

24. Tiada keputusan Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah boleh melibatkan mana-mana hak atau harta seseorang bukan Islam.

Kuasa tambahan

25. Sebagai tambahan dan tidak mengurangkan kuasa yang diberikan oleh Enakmen ini kepada Mahkamah dan tanpa memudaratkan kuasa tersebut, tiap-tiap Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa tambahan dan bidang kuasa seperti yang disenaraikan di dalam Jadual kepada Enakmen ini.

Bahasa

26. Bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa bagi semua prosiding Mahkamah Syariah dan semua dokumen serta nota prosiding boleh menggunakan tulisan rumi atau jawi.

Tindakan bersaling

27. (1) Jika Mahkamah Syariah dalam mana-mana negeri di Malaysia mengeluarkan waran atau saman, mengikut mana-mana yang berkenaan,

di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dalam negeri itu, untuk dilaksanakan ke atas atau disampaikan kepada seseorang yang berada atau dipercayai berada di dalam Negeri Kedah Darul Aman, maka mana-mana Hakim Syarie boleh mengesahkan waran atau saman itu dengan menandatangani dan waran atau saman itu boleh dilaksanakan atau disampaikan kepada orang itu seolah-olah waran atau saman itu telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dalam Negeri Kedah Darul Aman menurut peruntukan Enakmen ini.

(2) Jika Mahkamah Syariah dalam Negeri Kedah Darul Aman mengeluarkan waran yang memberi kuasa untuk menangkap mana-mana orang, atau saman yang memanggil mana-mana orang supaya hadir di Mahkamah Syariah, dan orang itu berada atau dipercayai berada dalam mana-mana negeri lain di Malaysia dan waran atau saman itu telah dilaksanakan atau disampaikan kepada orang itu menurut mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dalam negeri itu, maka waran atau saman itu hendaklah bagi maksud Enakmen ini disifatkan telah dilaksanakan atau disampaikan dengan sah seolah-olah pelaksanaan atau penyampaian itu telah dilaksanakan atau disempurnakan dalam Negeri Kedah Darul Aman.

(3) Jika Mahkamah Syariah dalam mana-mana negeri di Malaysia membuat satu perintah atau penghakiman di bawah peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dalam negeri itu terhadap seseorang dan orang itu berada atau dipercayai berada dalam Negeri Kedah Darul Aman, maka Hakim Syarie, jika dia berpuashati bahawa perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sempurna oleh suatu Mahkamah Syariah yang berwibawa dalam mana-mana Negeri di Malaysia, boleh mengendorskan perintah atau penghakiman itu dan perintah atau penghakiman itu bolehlah kemudiannya dilaksanakan atau disampaikan, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sah oleh mana-mana Mahkamah Syariah dalam Negeri Kedah Darul Aman menurut peruntukan Enakmen ini.

Kod etika

28. Ketua Hakim Syarie boleh, atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan menetapkan secara bertulis satu kod etika yang mesti dipatuhi oleh semua Hakim Syarie dan Hakim Mahkamah Rayuan.

Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah

29. (1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah bagi membuat kaedah tentang tatacara Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah hendaklah terdiri daripada—

- (a) Ketua Hakim Syarie, sebagai pengerusi;
- (b) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya; dan
- (c) orang-orang berikut yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie—
 - (i) seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah;
 - (ii) seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah;
 - (iii) Ketua Pendakwa Syarie;
 - (iv) seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah;
 - (v) seorang Peguam Syarie; dan
 - (vi) seorang pegawai undang-undang yang berkhidmat dengan Biro Bantuan Guaman yang ditubuhkan di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 2*].

(3) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah menjadi Setiausaha kepada Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah dan hendaklah bertanggungjawab bagi melaksanakan keputusan Jawatankuasa itu.

(4) Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(5) Semua kaedah yang dibuat oleh Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Kecualian dan peralihan

30. (1) Semua tindakan, perintah, notis, borang dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang mansuh menurut kuasa oleh Enakmen ini hendaklah terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Enakmen ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh perintah, notis, borang dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat dibawah Enakmen ini.

(2) Semua prosiding yang telah dimulakan di bawah Enakmen yang dimansuhkan hendaklah berterusan seolah-olah Enakmen ini tidak diluluskan.

Pemansuhan

31. Enakmen Mahkamah Syariah 1993 [*Enak.Bil.4/1994*] adalah dimansuhkan.

JADUAL

(Seksyen 25)

KUASA TAMBAHAN MAHKAMAH

Penggantungan perbicaraan

1. Kuasa untuk menggantungkan sebarang perbicaraan jika perbicaraan itu telah dibuat di dalam daerah di mana—

- (a) kausa tindakan itu bermula;
- (b) pihak yang kena tuntutan itu tinggal atau mempunyai tempat perniagaannya;
- (c) salah seorang daripada pihak yang kena tuntutan tinggal atau mempunyai tempat perniagaannya;
- (d) fakta yang mengasaskan tindakan itu berada atau dikatakan telah berlaku; atau
- (e) atas sebab-sebab lain perbicaraan itu wajar diteruskan bagi kepentingan keadilan.

Pemindahan perbicaraan

2. Kuasa memindahkan sebarang perbicaraan, atas permohonan atau atas usulnya sendiri, kepada Mahkamah Rendah Syariah lain.

Penyerahan

3. Kuasa, tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain, memerintah penyerahan prosesnya di mana-mana tempat atau pada bila-bila masa dan mengikut apa-apa cara dan memerintah supaya penyerahan dianggap telah dilaksanakan dalam masa yang ditentukan.

Proses mewajibkan kehadiran

4. Kuasa mewajibkan, melalui notis yang dialamatkan kepada pegawai yang menjaga penjara, untuk mengemukakan kepadanya mana-mana orang di dalam penjara untuk sebarang maksud.

Salinan pejabat salinan sah

5. Kuasa mengeluarkan dan menggunakan untuk sebarang maksud salinan pejabat atau salinan sah mana-mana prosiding di dalam Mahkamah itu dan menerima mana-mana salinan pejabat atau salinan sah yang dikeluarkan oleh Mahkamah yang lain.

Kos

6. Budi bicara untuk memerintahkan kos prosiding yang termasuk prosiding yang telah digantungkan, tertakluk kepada mana-mana peruntukan undang-undang bertulis sebaliknya.

Perlaksanaan

7. (1) Kuasa kepada pegawai Mahkamah yang diberi kuasa secara khusus oleh Ketua Hakim Syarie untuk memasuki mana-mana rumah atau premis bagi maksud penyiasatan dan dalam melaksanakan mana-mana perintah perlaksanaan dan kuasa memecahkan mana-mana peti besi, almari atau kotak-kotak lain yang terdapat di dalam rumah atau premis tersebut.

(2) Kuasa untuk memeriksa mana-mana orang mengenai hartanya atau harta orang lain atau mengenai pelupusan mana-mana harta tersebut.

(3) Kuasa, mengenai pelaksanaan sesuatu perintah tahan harta sebelum hukuman, dan kuasa mengenakan had-had dan syarat-syarat mengenai pengurusan, ganti-rosak dan pampasannya.

Perlanjutan masa

8. Kuasa melanjutkan atau memendekkan masa yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan melakukan sesuatu perbuatan atau mengambil apa-apa tindakan, sungguhpun tiada permohonan untuk maksud demikian dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Fi

9. Kuasa mengenakan apa-apa bayaran dan menentukan apa-apa fi mengenai apa-apa tindakan Mahkamah di bawah dan menurut Enakmen ini.

Penghinaan Mahkamah

10. Kuasa untuk menghukum apa-apa tindakan, ketinggalan atau perbuatan yang disifatkan sebagai penghinaan Mahkamah.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 18 November 2007 bersamaan dengan 8 Zulkaedah 1428.

ABD. RASHID BIN HAJI OTHMAN
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Kedah Darul Aman*

[PSU(K) 598/1399 JD. 2]